



Anggota TUDM tekun mengikuti kursus dikendalikan oleh mahasiswa jurusan TESL dari UKM.

UKM jalankan kursus BI disertai anggota TUDM

Fakta nombor

Kursus Asas Bahasa Inggeris: 'Introduction to Basic Conversation in English'

4 MAHASISWA kendalikan

95 PESERTA anggota TUDM

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Pendidikan menjalankan Kursus Asas Bahasa Inggeris: 'Introduction to Basic Conversation in English' yang dihadiri 95 anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Pangkalan Udara Kuala Lumpur di sini, baru-baru ini.

Kursus separuh hari itu dikendalikan empat

mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kepujian (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua - TESL) dari fakulti berkenaan.

Praktik penggunaan

Penasihat program itu, Dr Maslawati Mohamad, berkata kursus berkenaan bertujuan mendedahkan peserta akan kepentingan penguasaan asas bahasa Inggeris, terutama dalam bidang komunikasi yang perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Dalam konteks itu, beliau yang juga Pensyarah Kanan

fakulti terbabit berkata, tiga objektif utama program berkenaan ialah mengasah kemampuan peserta untuk bertanya dan memberikan maklumat kepada kakitangan lain menggunakan bahasa bermakna.

Seterusnya, mampu bertanya dan memberikan tunjuk arah kepada individu lain dengan bahasa bersesuaian, serta berupaya membezakan penggunaan bahasa formal dan tidak formal apabila berkomunikasi mengikut keadaan tertentu.

"Kursus ini diharapkan dapat membantu peserta

mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris, khususnya dalam berkomunikasi, selari satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA) UKM, iaitu KRA Satu: Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif.

Selari keperluan

"Program ini juga membolehkan mahasiswa jurusan TESL mempraktikkan ilmu dipelajari dalam kuliah, selain meningkatkan keyakinan diri dan pengalaman mereka," katanya.

Di samping membantu anggota TUDM mempertingkatkan kemahiran berbahasa Inggeris, Dr Maslawati berkata, kerjasama seumpama itu secara langsung turut dapat menjimatkan kos pihak industri.

"Kerjasama antara pihak universiti dengan industri ditekankan bagi perkongsian ilmu pengetahuan, penyelidikan dan kemahiran agar pembinaan tenaga kerja sentiasa selari dengan keperluan abad ke-21," katanya.